



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **66 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,470 kes** (82.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Bilangan kes yang didiscaj hari ini adalah lebih dua kali ganda bilangan kes baharu yang dilaporkan.

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 2 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **20 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,877 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,292 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 20 kes baharu yang dilaporkan, 15 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 5 kes penularan di dalam negara, tiga (3) kes adalah bukan warganegara dan dua (2) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Sehingga kini, seramai enam (6) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian** berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115 kes** (1.46 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KLUSTER PANGSAPURI DI CHERAS

Seperti yang KKM maklumkan sebelum ini, terdapat satu kluster baharu di sebuah pangsapuri di Cheras, Kuala Lumpur. Kes pertama kluster ini telah dikenalpasti daripada saringan pelajar pusat tahfiz yang telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan KKM. Walau bagaimanapun, melalui penyiasatan yang telah dijalankan, tiada pelajar, guru atau kakitangan dari pusat tahfiz tersebut yang mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan di Seri Petaling.

Sehingga kini, terdapat enam (6) kes di dalam kluster ini iaitu tiga (3) kes yang merupakan penghuni pangsapuri tersebut, dan tiga (3) kes lain di luar kawasan pangsapuri. Mereka telah dikesan melalui tindakan pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*). Kes-kes positif kluster ini adalah merupakan ahli keluarga dan rakan kepada kes pertama yang dikesan. Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan, namun besar kemungkinan penularan COVID-19 adalah berkaitan dengan aktiviti kunjung mengunjung sebelum dan semasa Hari Raya Aidilfitri.

Susulan itu, siasatan dan saringan kontak rapat bagi keenam-enam kes tersebut telah dijalankan. Setakat ini seramai 120 orang telah dikenalpasti dan disaring, di mana:

- Enam (6) kes positif COVID-19;
- 76 kes adalah negatif COVID-19; dan
- 38 masih menunggu keputusan.

Selain tindakan *Active Case Detection* yang telah mula dilaksana di pangsapuri tersebut, beberapa langkah kawalan penularan jangkitan COVID-19 turut giat dijalankan, misalnya:

- Pengasingan kontak dan aktiviti persampelan;
- Aktiviti nyah kuman dan nyah cemar;
- Hebahan pendidikan kesihatan berkaitan pencegahan jangkitan COVID-19 seperti amalan 3W dan elakkan 3S.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa meskipun Syawal dan sambutan Hari Raya Aidilfitri secara lazimnya disambut selama sebulan, diadakan rumah terbuka dan perhimpunan secara beramai-ramai, masyarakat masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di mana ianya adalah dilarang sama sekali. Oleh itu, orang ramai digesa supaya elakkan aktiviti kunjung-mengunjung.

Kita dapat sama-sama memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 sekiranya norma dan kelaziman baharu ini dijadikan satu amalan dalam kehidupan seharian, antaranya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Orang ramai diseru agar sentiasa amalkan S.O.P:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 Jun 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 2 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	256
SELANGOR	6 (4)	1,926
NEGERI SEMBILAN	6 (5)	866
MELAKA	1 (1)	233
JOHOR	1 (1)	676
PAHANG	0	361
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	1	348
SARAWAK	0	552
W.P. KUALA LUMPUR	5 (4)	2,044
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	20 (15)	7,877

*() adalah merujuk kepada kes-kes import